

**JABATAN BENDAHARI**

Rujukan Tuan :  
Rujukan Kami : UPSI/BEN/B/570/2021(5)  
Tarikh : 7 Disember 2021  
2 Jamadillawal 1443H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**PEKELILING BENDAHARI BIL.6/2021 – PROSEDUR DAN GARIS PANDUAN KENAAN DENDA LEWAT BEKAL UNTUK PEROLEHAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengenai denda yang akan dikenakan terhadap pembekal yang lewat menghantar barang atau perkhidmatan melewati dari tarikh penghantaran yang dinyatakan dalam Pesanan Belian (PO).
3. Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.10/2021 bertarikh 23 Jun 2021 telah meluluskan pelaksanaan pengenaan denda lewat pembekalan untuk perolehan barang atau perkhidmatan di UPSI berkuatkuasa mulai bulan Januari 2022.
4. Selaras dengan kelulusan tersebut, dokumen-dokumen berkaitan pengurusan perolehan Universiti telah dikemaskini bagi memudahkan rujukan semua PTj seperti berikut:-
  - i) Prosedur Perolehan (UPSI(ISO)/BEN/P02)
  - ii) Garis Panduan Denda Lewat Bekal Untuk Perolehan Barang Atau Perkhidmatan (UPSI(ISO)/BEN/UPSI(ISO)/BEN/P02/GP06)
  - iii) Manual Pengguna Pesanan Belian (UPSI(ISO)/BEN/P02/MP03)
  - iv) Manual Pengguna *Goods Receive Note* (GRN) (UPSI(ISO)/BEN/P02/MP05)
5. Sehubungan itu, semua dokumen yang dinyatakan seperti di Perkara 4 di atas boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Bendahari <http://bendahari.upsi.edu.my>.



**JABATAN BENDAHARI**

-2-

6. Pemakaian pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022. Diharap mendapat kerjasama semua ketua PTj untuk memaklumkan penguatkuasaan pekeliling ini kepada semua pegawai di bawah tanggungjawab masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"UPSI NO.1 PENDIDIKAN"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A. (M) ASEAN CPA)**  
s.k

YBhg. Dato' Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)